

Legenda Ragbi All Blacks, Sonny dilantik Pro-Canselor AIU

WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR | 10 Disember 2024 06:50pm | Masa membaca: 2 minit



Sonny (dua dari kiri) menerima watikah pelantikan di AIU daripada Mohd Saleh.

ALOR SETAR - Legenda ragbi New Zealand, Sonny Bill Williams tidak menyangka menjadi Pro-Canselor Universiti Antarabangsa Albukhary (AIU), di sini walaupun sebelum ini aktif dengan dunia sukan ragbi.

Pemenang Piala Dunia Ragbi sebanyak dua kali itu berkata, beliau menerima amanah tersebut daripada AIU kerana nilai-nilai universiti tersebut sangat sejajar dengan nilai-nilai yang dipegang dan diperjuangkannya.

Menurutnya, pelantikan beliau ke jawatan tersebut diharapkan mampu memberikan inspirasi kepada pelajar AIU yang rata-rata dalam kalangan keluarga kurang berkemampuan.

"Saya diberi peluang oleh ALLAH melalui sukan, yang mengubah hidup saya dan keluarga saya. Di sini, mereka melakukan perkara yang sama melalui pendidikan. Saya

tidak mahu peranan ini hanya bersifat simbolik, saya mahu terlibat secara aktif dengan pelajar," katanya pada sidang akhbar pada Selasa.

Beliau berkata demikian selepas menerima watikah pelantikan di AIU dan hadir sama Naib Canselor, Profesor Datuk Dr Mohd Saleh Jaafar.

Bekas tonggak All Blacks itu dilantik sebagai Pro-Canselor AIU bagi tempoh dua tahun yang bermula 1 November lalu.



Sonny

Tambah Sonny, matlamatnya adalah untuk memberi inspirasi kepada pelajar-pelajar AIU.

"Saya tidak pernah menjadi Pro-Canselor. Tetapi saya faham apa itu kerja keras, ketabahan, kesyukuran, mempunyai tujuan, dan cuba mengubah keadaan hidup. Itulah yang akan saya sampaikan kepada pemimpin masa depan kita," ujarnya lagi.

Dalam pada itu, beliau juga berkongsi rasa kagum terhadap Malaysia dan jatuh cinta kepada negara ini kerana penerimaan dan layanan baik daripada masyarakat di sini.

Sementara itu, Mohd Saleh berkata, universiti tersebut berbangga kerana Sonny bersetuju untuk menyertai keluarga besar AIU.

Menurutnya, kehidupan dan kerjaya yang dibawa oleh bekas atlet ragbi dunia secara tidak langsung turut mencerminkan misi dan visi AIU.

"Saat kami mengumumkan bahawa beliau akan menjadi Pro-Canselor kami, seluruh komuniti kampus sangat teruja. Tradisinya, Pro-Canselor dilihat sebagai peranan upacara.

"Tetapi ia tidak akan menjadi sekadar upacara. Kami akan berusaha untuk melibatkan beliau sebanyak mungkin kerana pelajar akan mendapat manfaat yang besar," katanya lagi.